

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : **15 NOVEMBER 2017 | RABU**

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Tabung Haji bagi menangani kos pengurusan haji yang terus meningkatkan setiap tahun dan nyatakan langkah strategik Kerajaan untuk menyediakan penginapan yang sesuai dengan harga yang berpatutan kepada jemaah umrah dan haji Malaysia di masa hadapan.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Tabung Haji sentiasa memberi penumpuan untuk mengawal kenaikan kos haji terutamanya kos yang melibatkan dua perkara utama iaitu kos tiket penerbangan dan penginapan jemaah Malaysia di Tanah Suci. Dalam konteks ini, Kerajaan melalui Tabung Haji telah mengenalpasti beberapa

projek pembangunan di Makkah dan Madinah untuk dijadikan Kompleks Penginapan Bersepadu Jemaah Haji Malaysia.

Cadangan pemajakan untuk tempoh jangka panjang bangunan-bangunan yang akan dibangunkan tersebut adalah pelan strategik Kerajaan demi kebajikan dan keselesaan jemaah haji Malaysia. Pembangunan ini dijangka akan memberi penyelesaian menyeluruh bagi menyediakan penginapan yang selesa dengan pelbagai kemudahan setempat kepada jemaah haji Malaysia di Makkah dan Madinah pada kos yang efektif.

Sekian, terima kasih.